


جابتن كحاكيمن شرعية نكري سابه
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# PANDUAN PENDAFTARAN KES MAL

## TUNTUTAN ● PERMOHONAN

http://sabah.jksm.gov.my

## APA ITU KES MAL ?

**PERMOHONAN** atau **TUNTUTAN** yang dibuat oleh pelanggan di Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan **hal-hal kekeluargaan** dan **harta benda** terhadap sesuatu pihak yang lain berdasarkan **bidang kuasa Mahkamah Syariah Negeri sabah**.

## APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PERMOHONAN ?

Tindakan atau prosiding Kes Mal yang dimulakan dengan **Notis** berserta **Afidavit Sokongan.**

## KES MAL YANG MELALUI PROSES PERMOHONAN

Seperti Jadual Kedua Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Tahun 2004

- Keizinan untuk melangsungkan perkahwinan bagi seseorang yang belum dewasa
- Pelantikan wali hakim
- Perintah bagi pendaftaran perkahwinan yang dilangsungkan berlawanan dengan undang-undang
- Anggapan Kematian
- Pelantikan penjaga harta seseorang yang belum dewasa
- Perintah bagi penjagaan bersama harta seseorang yang belum dewasa
- Perintah bagi pengubahan kuasa penjaga harta seseorang yang belum dewasa
- Kebenaran bagi pelupusan harta seseorang yang belum dewasa

*Bersambung...*

*...Sambungan*



- Kebenaran untuk menyara seseorang yang belum dewasa daripada pendapatan hartanya
- Perintah bagi penggunaan harta modal untuk menyara seseorang yang belum dewasa
- Perintah larangan yang berhubungan dengan harta seseorang yang belum dewasa
- Injunksi yang menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia
- Perintah untuk mengetepikan, dan injunksi yang menghalang, pelupusan harta untuk mengecewakan tuntutan nafkah
- Perintah untuk mengetepikan, dan injunksi yang menghalang, pelupusan harta untuk mengecewakan tuntutan nafkah
- Injunksi terhadap perkosaan oleh suami / isteri atau bekas suami / bekas isteri
- Pengiktirafan perkahwinan yang diijabkabulkan di luar Negeri Sabah (Pengakuterimaan Peterniti)
- Pengesahan Pengakuterimaan Peterniti oleh perempuan dalam *'eddah* (pembahagian Harta Pusaka)

## APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN TUNTUTAN ?

Tindakan atau prosiding Kes Mal yang dimulakan dengan **Saman** berserta **Pernyataan Tuntutan**

## KES MAL YANG MELALUI PROSES TUNTUTAN

Semua jenis kes selain daripada disenaraikan dibawah Jadual Kedua Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Tahun 2004, hendaklah dimulakan dengan Saman beserta Pernyataan Tuntutan kecuali dinyatakan sebaliknya oleh undang-undang. Antaranya ialah :

- Tuntutan Perceraian
- Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai
- Tuntutan Pengesahan Cerai Takliq
- Tuntutan Fasakh
- Tuntutan Mutaah
- Tuntutan Wali Enggan/Engkar
- Tuntutan Gantirugi Perkahwinan
- Tuntutan Harta Sepencarian
- Tuntutan Nafkah Isteri
- Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
- Tuntutan CagaranNafkah
- Tuntutan Nafkah Eddah
- Tuntutan Megubah Perintah Jagaan Anak/Nafkah Anak
- Tuntutan Hadhanah
- Tuntutan Ganishmen/Hiwalah
- Tuntutan Penghutang Penghakiman

## TATACARA PENDAFTARAN KES MAL

- Setiap pendaftaran kes hendaklah diserahkan sendiri oleh pemohon atau wakilnya kepada pendaftar
- Tiap-tiap dokumen pendaftaran kes hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 3 salinan
- Pendaftaran (Permohonan atau Tuntutan) yang lengkap serta mengikut undang-undang sahaja akan diterima

## PENDAFTARAN KES PERMOHONAN

Hendaklah disertakan

- Notis Permohonan
- Afidavit Sokongan
- Ekshibit-ekshibit (Jika berkaitan, contohnya, salinan sijil nikah, sijil lahir dan lain-lain)
- Wakalah Peguam Syarie bagi yang menggunakan khidmat Peguam Syarie
- Surat rujukan daripada Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju Orang Islam kepada Hakim Syarie bagi permohonan di bawah Seksyen 18 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Tahun 2004

## PENDAFTARAN KES TUNTUTAN

Hendaklah disertakan

- Saman
- Pernyataan Tuntutan
- Ikatan Dokumen (Jika berkaitan, contohnya, salinan sijil nikah, kad pengenalan dan lain-lain)
- Wakalah Peguam Syarie bagi yang menggunakan khidmat Peguam Syarie

# CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN KES MAL

| Langkah | Keterangan |
| --- | --- |
| MULA | |
| TERIMA | Terima Dokumen daripada pelanggan |
| SEMAK | Semak dokumen |
| LENGKAP (TIDAK → PELANGGAN → SEMAK; YA → DAFTAR) | Jika tidak lengkap, kembalikan pelanggan untuk dilengkapkan dan tindakan pembetulan |
| DAFTAR | Daftar Kes dalam sistem E-Syariah |
| JANA SAMAN / NOTIS | Menjana Saman (Tuntutan) / Notis Permohonan Notis kehadiran Majlis Sulh |
| SERAH SAMAN / NOTIS KEPADA PENDAFTAR | Serah Saman / Notis Permohonan / Notis kehadiran Majlis Sulh kepada Pendaftar / Penolong Pendaftar untuk ditandatangani |
| PENDARTAR TANDATANGAN SAMAN / NOTIS | Tandatangan dan meterai Saman/ Notis Permohonan/ Notis kehadiran Majlis Sulh |
| SERAH SAMAN / NOTIS KEPADA PEMOHON | Serah salinan Saman/Notis Permohonan/ Notis Kehadiran Majlis Sulh kepada Plaintif /Pemohon/Peguam |
| SERAH SAMAN / NOTIS KEPADA RESPONDEN | Serahkan Saman /Notis Permohonan/ Notis Kehadiran Majlis Sulh kepada Defenden/Responden jika hadir dan sediakan Akuan penerimaan |
| LENGKAPKAN FAIL | Melengkapkan fail kes |
| URUSKAN PENYAMPAIAN SAMAN / NOTIS | Uruskan penyampaian Saman / Notis Permohonan/ Notis Kehadiran Majlis Sulh kepada Defendan/Responden |
| SERAH SAMAN | Sediakan Afidavit Penyampaian / tanpa serah dan kemukakan kepada pembantu Hakim / Pembantu Sulh |
| SERAH FAIL KEADA PEMBANTU HAKIM | Kemukakan fail kepada Pemb.Hakim / Notis kehadiran Majlis Sulh kepada Pembantu Sulh |
| TAMAT | |

# SIAPA YANG BOLEH MENDAFTAKAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH ?

Mana-mana **ORANG ISLAM** yang **BERMASTAUTIN** atau **BERMUKIM** di **Negeri Sabah** berhak mendaftarkan kes di **Mahkamah Syariah Negeri Sabah**.

Bukti bermastautin atau bermukim hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran kes dilakukan di mahkamah syariah yang berbidangkuasa

# MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH DI NEGERI SABAH

**MAHKAMAH SYARIAH KOTA KINABALU**
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu
Tel : 088-286400 Faks : 088-275652

**MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU**
Bangunan Mahkamah Syariah Keningau
Peti Surat 184, 89008 Keningau, Sabah
Tel : 087-336227 Faks : 087-339980

**MAHKAMAH SYARIAH KUDAT**
Tingkat 2, Bangunan Urusetia Daerah,Peti Surat 286, 89058 Kudat, Sabah
Tel : 088-611804 Faks : 088-611802

**MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT**
Bangunan Mahkamah Syariah Beaufort
Peti Surat 624, Jalan Lintas Pekan, Poskod 89808 Beaufort, Sabah
Tel :087-221613 Faks : 087-221484

**MAHKAMAH SYARIAH PAPAR**
12 B – 34 A, Bangunan Yayasan Sabah, Jalan Pekan, 89600 Papar, Sabah
Tel : 088-912386 Faks : 088-912368

**MAHKAMAH SYARIAH KOTA BELUD**
Lot 2, Blok A, Kompleks Alappbana, Poskod 89157 Kota Belud, Sabah
Tel : 014-6245920 Faks : 088-977677

**MAHKAMAH SYARIAH SANDAKAN**
Bangunan Urusetia Negeri
Peti Surat 3317, 90737 Sandakan, Sabah
Tel : 089-670150 Faks : 089-670150

**MAHKAMAH SYARIAH TAWAU**
Bangunan Abaca Healthcare Sdn Bhd, TB 4258, Jalan Abaca, Peti Surat 1882, Poskod 91008 Tawau, Sabah
Tel :089-766761 Faks : 089-766764

**MAHKAMAH SYARIAH KINABATANGAN**
Bangunan Mahkamah Syariah Kinabatangan, WDT No 384, 90208 Kota Kinabatangan, Sabah
Tel : 089-561635 Faks : 089-912368

**MAHKAMAH SYARIAH LAHAD DATU**
Bangunan Mahkamah Syariah Lahad Datu
Jalan Singgah Mata, Peti Surat 62477, Poskod 91128 Lahad Datu, Sabah
Tel : 089-885853 Faks : 089-885841

**MAHKAMAH SYARIAH SEMPORNA**
Bangunanmahkamah Syariah Semporna
Jalan Mahkamah, 91307 Semporna, Sabah
Tel : 089-782673 Faks : 089-782672

**MAHKAMAH SYARIAH RANAU**
Lot No 6 & Lot No 7 Tingkat 1, Kiaburi Plaza Ranau Township Poskod 89300 Ranau,Sabah
Tel : 088-878212 Faks : 089-878214

**MAKLUMAT PERHUBUNGAN IBU PEJABAT JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH**

Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu, SABAH
Tel : 088-488400 Faks : 088-488410



**NOTA**

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.